

Bab 3: Pemikiran Abul A'la Al Maududi Mengenai Pembentukan Peradaban.

Pendahuluan

Dalam bab ini akan diterangkan tentang pembentukan peradaban Islam menurut pandangan Maududi. Pemikiran Maududi tentang pembentukan peradaban Islam adalah berasaskan kepada keyakinan beliau bahawa Islam adalah agama syumul yang meliputi semua permasalahan dan persoalan hidup di dunia dan akhirat serta tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi. Maududi turut mengkritik kelemahan-kelemahan pemikiran dan fahaman Barat seperti sekularisme, nasionalisme dan demokrasi. Kemudian dikemukakan pula prinsip-prinsip alternatif dari kaca mata Islam.

Idea-idea Maududi mempunyai banyak persamaan dengan idea Hassan Al-Banna¹⁴⁵ dalam memberi pengertian tentang Islam itu sendiri seperti yang dijelaskan bahwa prinsip-prinsip Islam adalah bertujuan untuk menyusun sistem kehidupan manusia di

¹³ Hassan Al-Banna adalah pengasas Ikhwan Muslimin di Mesir pada tahun 1928. Beliau dilahirkan pada tahun 1906 di pinggir kota Mahmudiyah. Bapa beliau adalah seorang alim yang bekerja sebagai tukang membakar jami. Seperti Afghani, Abdurrahman dan Rashid Ridha, Al-Banna percaya bahawa kelemahan dan kemunduran umat Islam adalah disebabkan oleh penyempangan dari memahami dan mempraktikan ajaran Islam yang sejati. Oleh itu umat Islam harus kembali kepada Al-Quran dan Al-Sunnah serta mengikut contoh generasi Muslimin pertama. Al-Banna bukan sahaja melontarkan buah fikirannya tetapi berjaya membentuk jamaah Ikhwan Muslimin yang menjadi rujukan utama gerakan Islam di seluruh dunia. Tokoh-tokoh ulama dunia abad ke-20 dan tersohor masa kini seperti Syed Qutb, Hassan Hudhaibi, Mustafa Masyhur Fathu Yakan, Said Hawwa, Muhammad Al-Ghazali, Yusof Qardhawi, Muhammad Ammar Ar-Rasyid dan ramai lagi adalah lahir dari madrasah tarbiyyah Ikhwan Muslimin. Menurut Abu Urwah, tidak ada satu gerakan Islam pun pada hari ini yang tidak terkesan oleh dakwah yang dibawa oleh Hassan Al-Banna dan ulama-ulama Ikhwan. Lihat Abu Urwah, **Risalah Usrah Jilid 3, Bahagian 1, Persediaan Asasi Di Dalam Harakah Islamiah**, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 64. Lihat Hassan Al-Banna, **Memoirs of Hassan Al-Banna Shaheed**, International Islamic Publishers, 1981, Karaci, 1981. Lihat juga David Commins "Hassan Al-Banna (1906-1949)" di dalam **Pioneers of Islamic Revival**, Zed Books, London, 1994, hlm. 126-153.

dunia dan akhirat.¹⁴⁶ Islam menurutnya merangkumi negara dan watan atau pemerintah dan umat, akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan atau kebudayaan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman, material dan harta benda atau usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah, ketenteraan dan fikrah begitu juga akidah yang benar dan ibadat yang sah.¹⁴⁷

Sebelum lebih jauh meneroka dan meneliti idea-idea pembentukan peradaban Islam dari kaca mata Maududi adalah lebih baik ditinjau beberapa pendefinisian yang diberikan oleh beberapa orang sarjana sama ada sarjana Islam mahupun Barat terhadap perkataan ini. Ia dapat memberikan satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang persamaan dan perbezaan idea peradaban tokoh-tokoh tersebut berbanding Maududi.

Pengertian Peradaban

Terdapat ramai sarjana Barat yang membincangkan tentang peradaban antaranya V. Gordon Childe, Edwar L. Farmer, Carrol Quigley, R.A Buchanan, Arnold Tonybee dan yang muktahir Samuel P. Huntington. R.A Buchanan misalnya menjelaskan bahawa masyarakat berperadaban memiliki institusi yang kompleks, melibatkan tahap pengkhususan yang tinggi di kalangan masyarakat, wujudnya stratafikasi sosial, tahap penguasaan matematik dan teknologi yang tinggi. Beliau seterusnya memberikan beberapa ciri masyarakat berperadaban seperti pengeluaran barang

¹⁴⁶ Abul A'la Al Maududi, **Islam Masa Kini**, (Terjemahan Mustafa Ramadhan), A.S Noordeen, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 58.

¹⁴⁷ Muhammad Abdullah Al-Khatib, **Pandangan Semula Kepada Risalah Ta'alim**, (Terjemahan Annur Salleh), Pustaka Media Budi, Shah Alam, 1993, hlm. 5.

melebihi keperluan tempatan, wujudnya kesepadan politik dan budaya, kerancakkan aktiviti perdagangan dan masyarakatnya memiliki ciri-ciri moden dan berdaya saing.¹⁴⁸

Edwar L. Farmer dalam bukunya Comparative History of Civilizations in Asia mendefinisikan peradaban sebagai entiti atau unit budaya yang terbesar dalam organisasi manusia yang terdiri daripada perkongsian norma-norma sosial, tradisi dan institusi-institusi yang berterusan. Beliau seterusnya menggariskan beberapa ciri yang perlu ada dalam sesebuah masyarakat berperadaban seperti sistem tulisan, organisasi sosial, agama dan kepercayaan, kerajaan dan pentadbiran yang berkesan, teknologi dan pegkhususn serta perbandaran.¹⁴⁹

Di dalam buku A Study of History, Arnold Toynbee merumuskan peradaban sebagai sejenis kebudayaan yang berkembang di kota. Menurutnya peradaban perlu juga dirujuk sebagai satu kumpulan pemikiran daripada pelbagai manifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral.¹⁵⁰ Samuel P. Huntington pula mengatakan bahawa peradaban adalah pengkelompokan manusia berdasarkan budaya yang paling tinggi dan identiti budaya yang amat luas. Peradaban ditakrif oleh unsur objektif

¹⁴⁸ R.A. Buchanan, **History and Industrial Civilization**, The Macmillan Press, Ltd., London, 1979, hlm. 24-27.

¹⁴⁹ **International Encyclopedia of The Social Science**, Vol. 15, Crowell Collier and Macmillan Inc., New York 1968, hlm. 201-202.

¹⁵⁰ Arnold Toynbee, **A Study of History**, Oxford University Press, London, 1934, hlm. 282-284.

yang serupa seperti bahasa, sejarah, agama, adat, institusi dan pengenalan diri yang subjektif.¹⁵¹

Tokoh Islam yang utama dalam membincangkan tentang peradaban adalah Ibnu Khaldun di dalam kitabnya *Muqaddimah*. Beliau diterima umum sebagai pengasas ilmu sains peradaban. Ibnu Khaldun mendefinisikan peradaban sebagai satu kumpulan manusia yang tinggal kekal di suatu tempat atau kota dan seterusnya kota tersebut berkembang maju dan menjadi makmur.¹⁵² Beliau juga membincangkan peradaban dari segi evolusinya dari masyarakat badwi yang berpindah-randah, kepada sebuah kampung dan kemudiannya berkembang menjadi bandar dan mencapai tahap kemajuan. Seterusnya tamadun tersebut akan menurun dan dikuasai oleh tamadun lain. Masyarakat bertamadun di sini adalah mereka yang tinggal di kota.

Abu Nasir al-Farabi turut menggunakan perkataan kota dalam mendefinisikan peradaban. Menurut al-Farabi dalam kitabnya *As-Siyasah al-Madinah*, mengatakan bahawa peradaban merupakan pencapaian umat Islam di kota yang berasaskan wahyu iaitu akidah, syarak dan akhlak. Sementara itu Jurji Zaidan dalam kitabnya *Tarikh at-Tamadun al-Islami* mendefinisikan peradaban sebagai pencapaian umat Islam yang berpusat di kota dalam bidang kerohanian dan kebendaan berasaskan

¹⁵¹ Samuel P. Huntington, **Pertembungan Peradaban**, (Terjemahan Normala Soulie), ISIS, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 2.

¹⁵² Mahadi Shuid, Termutologi Peradaban: Sukar Didefinisikan Mudah Diperjelaskan, di dalam **Wacana Dialog Peradaban**, MHF Publications, Puchong, Jilid 1, Julai-Disember 2000, hlm. 6.

agama.¹⁵³ Syed Naquib Al-Attas mengatakan bahawa peradaban adalah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.¹⁵⁴

Sayyid Qutb pula mengatakan bahawa peradaban itu merupakan sejumlah nilai, hubungan dan aturan dan ini tidak sinonim bagi 'kemajuan' yang membawa erti sejumlah produk kebendaan dan peralatan canggih. Beliau tidak melihat kemajuan seperti ini dijadikan ukuran untuk menentukan sama ada sesebuah masyarakat itu berperadaban atau tidak. Menurut beliau, masyarakat berperadaban dinilai dari dasar akidahnya, sistem nilai, tingkah laku, hubungan, aturan sosialnya serta berkuasanya syariat Allah swt dan bukan kemajuan kebendaan semata-mata. Menurut Syed Qutb:

"Bila sahaja kekuasaan tertinggi dalam pemerintahan sesebuah masyarakat itu diserahkan kepada Allah sahaja dalam bentuk berkuasanya syariat Allah di dalam masyarakat, ketika itulah baru terdapat kebebasan dan kemerdekaan penuh umat manusia dari pengabdian diri kepada sesama umat manusia. Inilah yang dinamakan 'tamadun kemanusiaan' kerana tamadun umat manusia itu mempunyai pokok pangkal yang penting iaitu kebebasan asasi dan mutlak bagi umat manusia..."¹⁵⁵

Peradaban yang dijelaskan oleh Sayyid Qutb adalah berlandaskan 'peradaban tauhid' yang dilahirkan oleh sistem Islam yang sempurna. Sebuah peradaban yang menimbulakan makna sebenar ubudiyah (perhambaan) kepada Allah dan keseimbangan yang menyeluruh dalam hidup individu dan masyarakat.

¹⁵³ Mustafa Hj. Daud, **Tamadun Islam**, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1999, hlm. 5.

¹⁵⁴ Amir. A Rahman, **Pengantar Tamadun Islam**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 3.

¹⁵⁵ Syed Qutb, **Petunjuk Sepanjang Jalan**, (Terjemahan Salahuddin Abdullah), Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hlm. 115.

Pengertian Peradaban Menurut Maududi

Menurut Maududi masyarakat biasanya memahami bahawa peradaban bermaksud segala apa yang dihasilkan oleh sesuatu bangsa yang bersumberkan ilmu pengetahuan, adab, kesenian yang indah, perbuatan, ciptaan dan perkembangannya terhadap kehidupan peribadi dan masyarakat. Begitu juga dengan cara-cara yang digunakan dalam kehidupan politik dan aktiviti ekonomi. Namun bagi Maududi bukan itu yang dinamakan peradaban ia hanya merupakan daun, pohon dan buah dari peradaban yang sebenarnya. Menurutnya, kita tidak boleh membatasi ukuran mengenai peradaban itu dengan ketentuan dan penilaian terhadap asas kenyataan apa yang ada sekarang ini. Hal ini menurut Maududi harus dihubungkan dengan jiwa dan perasaan. Ini penting bagi mendefinisikan sesuatu peradaban.

Sebelum dengan mudah memberikan definisi peradaban, Maududi membahaskan beberapa perkara asas. Pertamanya apakah peradaban tersebut? Adakah ia hanya ditujukan kepada kehidupan dunia ini sahaja? Apakah ada tugas dan fungsi manusia diturunkan ke dunia ini? Apakah dunia ini mengikut penilaian orang sekarang? Apakah kaitan manusia dengan dunia ini? Jika ada kaitannya apakah ada manfaatnya dan dalam bentuk apa? Maududi menjelaskan bahawa peradaban itu mempunyai lima unsur iaitu menggambarkan kehidupan duniawi, tujuan hidup, keyakinan dan pemikiran asasi, pendidikan perorangan dan organisasi masyarakat.¹⁵⁶

¹⁵⁶ Abu A'la Al Maududi, **Asas dan Prinsip Peradaban Islam**, (Terjemahan Halimuddin SH), Pustaka Nasional Ltd Singapura, 1985, hlm. 10.

Dapat difahami disini bahawa dalam mendefinisikan peradaban, Maududi bukan sahaja melihat kepada penghasilan yang diciptakan oleh manusia, sistem kehidupan, nilai dan budaya masyarakat seperitimana yang dijelaskan oleh sarjana Barat tetapi beliau meneliti lebih jauh lagi tentang tujuan hidup manusia serta keyakinan dan pemikiran asasi yang perlu ada pada seseorang.

Maududi menyanggah pandangan Barat yang mengatakan bahawa benih-benih peradaban Islam tersebut berasal daripada peradaban-peradaban yang telah maju sebelumnya, terutama Rom dan Yunani. Pandangan Barat mengatakan bahawa peradaban Islam lahir daripada jalan pemikiran bangsa Arab yang telah diubah bentuknya dengan cara-cara baru. Peradaban Islam juga dikatakan mempunyai unsur-unsur Parsi, Babylon, Yunani dan Rom.

Menurut Maududi, pada hakikatnya tidak ada orang yang membantah bahawa peradaban yang terdapat pada setiap masa itu sebenarnya mempunyai kaitan dengan peradaban-peradaban sebelumnya. Tiap-tiap sesuatu yang baru tersebut telah ada benih sebelumnya. Apa yang ada sekarang adalah hasil dari pengolahan dari apa yang terdapat pada masa-masa sebelumnya. Contohnya ilmu matematik yang ada pada hari ini adalah kerana sebelum ini telah ada orang yang mengenal angka dan tulisan. Begitu juga terdapatnya lokomotif kerana sebelum ini telah ada orang yang mengenal besi. Demikian juga apa yang ada sekarang ini adalah lanjutan dari apa yang terdapat sebelumnya.¹⁵⁷

¹⁵⁷ Ibid., hlm 5

Namun Maududi menekankan bahawa peradaban Islam merupakan mutiara yang tersendiri, ia tidak dimasuki oleh pengaruh-pengaruh lain. Sebaliknya Islamlat: yang mempengaruhi jalan berfikir orang-orang Arab. Pembinaan yang dilakukan oleh peradaban Islam itu mempunyai dua perkara yang penting. Pertama gagasannya dan cara-cara yang ditempuh dalam membina, mengembangkan dan tujuan daripada pembinaan tersebut. Kedua ialah pola dari peradaban itu meliputi warna, keindahan yang dibuatkan oleh peradaban itu sendiri.

Peradaban Islam menurut Maududi adalah hasil yang tumbuh dari Islam itu sendiri. Gagasan yang dikemukakan setelah dibuat kajian yang teliti mendapati bahawa ia tidak dimasuki oleh unsur-unsur lain. Kaedah yang digunakan dalam pembinaan dan perkembangan peradaban itu adalah kaedah Islam yang tersendiri tanpa meminjam dan mencantohi daripada peradaban lain di dunia. Demikian juga mengenai tujuannya.¹⁵⁸

Tujuan peradaban Islam ialah tujuan yang diciptakan oleh Islam itu sendiri tanpa meminjam dari unsur-unsur peradaban lain di dunia. Setelah diteliti dari segala segi ternyata bahawa pembinaan yang dilakukan oleh Islam berdiri di atas cara-cara yang sesuai dengan tujuannya. Segala yang dibina oleh peradaban setelah diteliti tujuannya, maka ternyata tidak ada ditambah atau di cedok luar dari Islam.

¹⁵⁸ Ibid., hlm. 6

Salah satu aspek penting pemikiran Maududi adalah gagasannya menghadapi cabaran Barat. Beliau banyak mengkaji secara serius tamadun Barat, mengkaji kebaikan, keburukan dan mengkritiknya secara ilmiah dan berasas.¹⁵⁹ Menurut beliau, pada umumnya masyarakat Islam membuat dua reaksi berbeza apabila berhadapan dengan tamadun Barat. Pertamanya golongan modenis yang terpukau dengan dengan sinaran tamadun Barat dan kedua golongan konservatif yang hanya mempertahankan sahaja tradisi Islam dan menutup pintu daripada menerima sebarang unsur asing. Bagi Maududi kedua-dua fahaman ini adalah ekstrimis. Setelah menolak kedua-dua bentuk tersebut, beliau menyarankan sikap yang lebih selektif dan kritis terhadap peradaban Barat. Beliau tidak menghalang umat Islam mengambil unsur-unsur yang sihat dan berguna daripada Barat seperti sains dan teknologi, teknik pentadbiran, pengurusan dan berorganisasi. Tidak salah menerima unsur-unsur ini sehingga tidak bertentangan dengan nilai-nilai agama.¹⁶⁰

Meskipun beberapa aspek daripada tamadun Barat dapat dimanfaatkan, namun Maududi terus mengkritik tamadun Barat yang berteraskan fahaman seperti sekularisme, materialistik, rasionalisme, liberalisme dan seumpamanya. Bagi Maududi tujuan terakhir atau tujuan hidup manusia Barat adalah suatu cara hidup keduniaan dan kebendaan. Di bawah tamadun ini manusia menjadi mangsa manusia lain kerana dorongan naluri kehaiwahan. Jika umat Islam berkiblatkan tamadun Barat ia lambat laun akan menggugat akidah dan keimanan umat Islam. Umat Islam

¹⁵⁹ Yusof Al-Qardhawi, **Tamadun Islam Alternatif Masa Depan**, (Terjemahan Juanda Hj. Jaya), Maktabah Al-Qardhawi, Selangor, 1999, hlm. 152.

¹⁶⁰ Abd. Rahman Hj. Abdullah, **Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran**, hlm. 250.

seharusnya mempertahankan sifat-sifat istimewa tamadun Islam daripada dipengaruhi dan dimasuki tamadun lain.¹⁶¹

Bagi Maududi sejarah dan peristiwa harus dilihat sebagai pertentangan antara Islam dan jahiliyah. Jahiliyah menurut pandangan Maududi adalah sebarang pandangan hidup yang menolak kekuasaan dan pimpinan Tuhan. Walaupun jahiliyah mempunyai pelbagai bentuk, sama ada bersifat separuh jahiliyah, sedikit mahupun keseluruhannya jahiliyah, bagi Maududi Islam menolak jahiliyah dalam sebarang bentuk atau sifatnya.

Berdasarkan kepada konsep ini beliau cuba membezakan antara gerakkan Tajdid (kebangkitan) dan Tajaddud (pembaharuan). Gerakan Tajdid menurutnya ialah usaha untuk menghidupkan semula Islam dalam bentuknya yang murni serta menyusun semula Islam corak hidup dan masyarakat dengan nilai dan prinsip-prinsip Islam. Tajdid adalah "Memurnikan Islam dari noda-noda jahiliyah kemudian berjuang sekutu tenaga dengan ikhlas untuk menghidupkan Islam."¹⁶² Manakala Tajaddud menekankan kepentingan kebendaan dan keduniaan serta cuba berkompromi dengan semangat jihad dan bentuk-bentuk jahiliyah semasa serta mengambil nilai-nilai, prinsip dan sikap masyarakat bukan Islam tetapi cuba mempertahankan wajah Islam dengan menggunakan istilah-istilah Islam untuk mengharuskan unsur-unsur pinjaman tersebut.

¹⁶¹ Ibid, hlm. 251

¹⁶² Abul A'la Al-Maududi, *Gerakan Tajdid Islami*, hlm. 42

Untuk menghidupkan Islam dalam bentuknya yang murni inilah perlunya mujtahid (orang yang mampu berijtihad). Bagi Maududi terdapat beberapa aspek yang menjadi program gerakan Tajdid. Salah satu daripadanya adalah melaksanakan ijtihad. Namun begitu ijtihad tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya kerana ia mempunyai syarat-syarat asas yang perlu dimiliki. Mujtahid juga perlulah memahami keadaan dan tuntutan semasa agar jawapan-jawapan kepada permasalahan-permasalahan yang wujud dapat diberikan dengan tepat.

Kritikan Maududi Terhadap Tamadun Barat

Menurut Maududi tamadun Barat yang menaungi sistem hidup masa kini dalam pelbagai cabangnya seperti kepercayaan, ketatasusilaan, perekonomian, politik dan kebudayaan adalah didasarkan kepada tiga prinsip asas iaitu.¹⁶³:

- i) Sekularisme
- ii) Nasionalisme
- iii) Demokrasi

Kritikan Terhadap Sekularisme

Brittanica Encyclopedia mendefinisikan sekularisme sebagai satu gerakan sosial yang bermatlamatkan memalingkan pandangan masyarakat terhadap akhirat (agama) dengan memberi perhatian yang lebih kepada dunia. Sekularisme sebenarnya lahir dari implikasi sosial yang melanda bangsa-bangsa Barat dalam zaman pertengahan, iaitu ketika tokoh-tokoh agama Kristian bersikap kontra

¹⁶³ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 1.

terhadap pemikiran terbuka yang aktif dalam usaha mencari sesuatu di sebalik alam metafizika dan memerangi setiap pikiran bebas dan efektif. Lalu mereka mewujudkan beberapa halangan tertentu sebagai sekatan, sehingga reaksi dari pemusuhan terhadap pemikiran keagamaan ini mewujudkan teori-teori bebas lepas.¹⁶⁴

Peradaban dan kebudayaan Barat dilihat sebagai peradaban yang malang kerana unsur-unsur falsafah, fahaman dan kebudayaannya yang dipenuhi dengan andaian-andaian sains semasa mereka. Ini menyebabkan pegangan hidup Barat tidak bersifat tetap. Dari ontologi, kosmologi, epistemologi, psikologi, ketatanegaraan dan perundangan, kecenderungan Barat sentiasa silih-berganti antara materialisme atau idealisme. Ia disertai oleh pelbagai pendekatan dan pendirian melalui metodologi *empiricism, realism, rationalism, criticism* dan sebagainya.¹⁶⁵

Metodologi dan teori-teori inilah yang menjadi asas kepada prinsip kemajuan moden Barat. Seterusnya arus ini telah berubah mengikut perubahan sejarah yang menjadikan sekularisme sebagai satu gerakan yang menentang agama. Kamus Oxford pula menyatakan bahawa sekular adalah kedunian atau kebendaan, tidak ada unsur-unsur keagamaan dan ruh (not concerned with spiritual or religious affairs).¹⁶⁶

¹⁶⁴ Ibid., hlm 3. Lihat penerangan tentang kelahiran fahaman sekularisme. Syed Muhammad Al-Naqib Al-Attas. *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 1-13.

¹⁶⁵ Mohd Sani Badron, "Kebudayaan Barat dan Pegangan Hidupnya" di dalam *Al Hikmah Forum* Istac, Istac, Kuala Lumpur, Bil. 2/Tahun 4, April-Ogos, 1998, hlm. 20. Untuk penjelasan lanjut tentang asal-usul ciri-ciri fahaman tamadun Barat sila lihat Bertrand Russel, *History of Western Philosophy*, Unwin Ltd., 1975. Lihat juga Roger A.K. A *Students History of Philosophy*, MacMillan, London, 1967. Dan Mohd Idris Jauzi, *Faham Ilmu, Pertumbuhan dan Implikasi*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1990.

¹⁶⁶ Jonathan Crowther, *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, Oxford University Press, 5th ed., Oxford, 1995, hlm. 1062.

Ia diumpamakan pendidikan tanpa agama sama ada dalam bidang kebudayaan, muzik dan pemerintahan. Menurut Dr Yusof Qardhawi sekularisme adalah aliran yang memisahkan agama dan negara dan dengan ungkapan yang lain adalah pemisahan antara agama dan kehidupan bermasyarakat.¹⁶⁷

Menurut Sulaiman Nordin, sekularisme adalah faham falsafah yang memisahkan urusan-urusan keduniaan dari urusan-urusan agama. Ia meninggalkan peranan agama (Kristian) dan Tuhan dari segala urusan kehidupan manusia. Sekularisme juga memisahkan secara mutlak antara ilmu pengetahuan daripada pengaruh dan tuntutan agama.¹⁶⁸

Sarjana tempatan, Syed Muhammad Naquib Al-Attas menjelaskan dengan panjang lebar mengenai sekular, sekularisasi dan sekularisme di dalam bukunya *Islam and Secularism*. Syed Naquib menyatakan bahawa istilah sekular adalah berasal daripada perkataan Latin, *Saeculum* yang mempunyai erti dengan dua konotasi waktu dan lokasi: waktu menunjuk kepada pengertian ‘sekarang’ atau ‘kini’ dan lokasi menunjuk kepada pengertian ‘dunia’ atau ‘duniawi’. Jadi *saeculum* bererti ‘zaman ini’ atau ‘masakini’ dan ia merujuk kepada peristiwa-perisriwa masa kini. Pengertian sekular merujuk kepada keadaan dunia pada waktu, period atau zaman tertentu.¹⁶⁹

¹⁶⁷ Yusof Al-Qardhawi, **Tamadun Islam Alternatif Masa Depan**, hlm. 23.

¹⁶⁸ Sulaiman Nordin, **Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 165. Lihat juga Sulaiman Nordin, **Sejarah Pemikiran: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia**, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm. 100.

¹⁶⁹ Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas, **Islam and Secularism**, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 14.

Sekularisasi pula didefinisikan sebagai pembebasan, manusia pertama-tamanya dari agama dan kemudian dari metafizik yang mengatur ta'kulan dan bahasanya. Ini bereri terlepasnya dunia dari pengertian-pengertian agama.¹⁷⁰

Sekularisme adalah ideologi yang berasal dari proses sekularisasi memisahkan kehidupan dengan agama, menidakkan kekeramatkan alam (disenchants nature) dan memisahkan politik dengan agama.¹⁷¹

Saifuddin Anshari, seorang penulis Indonesia berpendapat bahawa Islam sebagai agama dunia dan agama akhirat sangat memperhatikan masalah dunia. Akan tetapi masalah dunia tidak boleh dilepaskan daripada masalah ukhrawi iaitu tidak boleh dipisahkan daripada panduan wahyu Illahi. Islam boleh selari dengan sekularisme dalam hal sama-sama memperhatikan permasalahan dunia namun begitu, Islam secara prinsipal menolak sekularisme kerana sekularisme hanya memusatkan perhatian kepada masalah dunia. Fahaman sekularisme ini menolak nilai-nilai dan norma-norma Illahi serta memalingkan muka daripada wahyu Allah.¹⁷²

Jelas di sini bahawa sekularisme adalah pemisahan agama dari penghidupan dunia bagi semua individu. Ini bererti sekularisme berpendapat bahawa kepercayaan beragama, petunjuk samawi dan apa sahaja perlakuan mematuhi agama dan mentaati Allah serta memelihara perbatasan syarak adalah tidak perlu komited, melainkan

¹⁷⁰ Ibid., hlm. 15

¹⁷¹ Ibid., hlm. 17

¹⁷² Endang Saifuddin Anshari, **Pokok-Pokok Pikiran Tentang Islam**, Usaha Enterprises, Jakarta. 1976. hlm. 109. Lihat juga Maryam Jameelah, **Islam and Modernism**, Mohammad Yusof Khan, Lahore. 1975.

dalam perkara-perkara peribadi sahaja. Manakala perkara-perkara umum dalam penghidupan kemanusiaan sewajarnya diatasi berasaskan kekuataan kebendaan, sesuai dengan keinginan dan sudut pandangan kecenderungan manusia itu sendiri. Hubungan manusia dengan tuhan adalah hubungan peribadi dalam bentuk-bentuk fahaman agama yang sempit. Dalam lapangan kehidupan yang lain seperti perekonomian, perundangan, politik, hubungan masyarakat, kebudayaan, hubungan antarabangsa dan lainnya adalah bebas dari ikatan ketuhanan. Semua aktiviti tersebut adalah semata-mata bergantung kepada pengetahuan manusia dari apa yang dipelajarinya dan yang sesuai dengan nalurinya. Fahaman sebegini akhirnya akan membebaskan manusia dari kuasa Allah dan agama dalam penghidupan kemasyarakatan malahan fahaman ini akan memesongkan kehidupan masyarakat dan akan terus menyerahkannya ke arah kehidupan sekular tulen.¹⁷³

Sekiranya Allah adalah Pencipta dan Penguasa ke atas manusia dan semua alam yang kita hidup ini, maka tidak rasional sama sekali jika segala hukum-hukum dan syariatNya itu hanya terkhusus kepada urusan individu sahaja dan tidak terpakai dalam urusan kemasyarakatan. Menurut Maududi:

"In Islam the purpose of an individual's life is the same as that of the life of the community, namely the execution and enforcement of Divine Law and acquisition of God pleasure."¹⁷⁴

Jika Allah tidak diperlukan dalam urusan kekeluargaan, urusan negara, persekolahan, dalam perniagaan, pentadbiran, kehakiman, ketenteraan, perdamaian dan seumpamannya maka apakah erti pengabdian kepada tuhan yang disembah?

¹⁷³ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 7-10.

¹⁷⁴ Abul 'Ala Maududi, **Political Theory of Islam**, Islamic Publications Ltd., Lahore, 6th ed. 1980, hlm. 39

Menurut Maududi dari segi rasional pemikiran ataupun dari aspek ilmiah, fikiran begini akan menimbulkan akibat yang sangat buruk. Ini kerana realiti kehidupan membuktikan bahawa apabila terputus hubungan di antara antara manusia dan Allah dalam apa juga aspek kehidupan maka segera akan tersambung hubungan yang kukuh dengan syaitan dalam aspek tersebut.

Manakala dakwaan bahawa hubungan dengan Tuhan adalah urusan peribadi adalah khayalan semata-mata. Ini kerana manusia itu adalah makhluk sosial. Penghidupannya dalam semua peringkat kehidupan adalah dalam urusan kemasyarakatan. Kelahirannya ke alam dunia ini adalah hasil hubungan sosial kedua ibubapanya. Walau apa juga kedudukan seseorang sama ada dia sebagai anak, sebagai ayah atau ibu, sebagai tenaga pekerja guru atau buruh, sebagai raja atau rakyat semuanya dalam sistem masyarakat.¹⁷⁵

Jika hubungan antara manusia dan Tuhan telah terputus dalam urusan kehidupannya seharian maka kita akan lihat segala bentuk kezaliman, penindasan dan kesalahan mengalir sewenang-wenangnya di samping hilangnya keyakinan dan kepercayaan dalam aspek perhubungan kemanusiaan. Keegoan, pangkat dan keturunan akan mencemari segala aktiviti manusia. Ini kerana tiap-tiap pihak mengikut tindak laku dan kemampuan masing-masing. Manusia yang mengikut faham sekularisme akan

¹⁷⁵ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 8.

terjerumus ke dalam jurang hawa nafsu dimana tujuan akhirnya adalah membebaskan diri dari sebarang ikatan agama¹⁷⁶

Kritikan Terhadap Nasionalisme

Menurut Maududi nasionalisme bermaksud kepentingan dan keinginan sesuatu umat (puak, kaum, bangsa) menjadi ukuran bagi sesuatu pertimbangan.¹⁷⁷ Ini sesuai dengan pendefinisan yang dibuat oleh *Political Dictionary*, 'nationalism-excessive, narrow patriotism; the belief that the promotion of one's nation as a culturally distinct and independent entity is more important than any international considerations'.¹⁷⁸ Sesuatu perkiraan dan pertimbangan dalam sesuatu perkara haruslah mengambil kira kepentingan umat. Kejahatan adalah apa jua bentuk pelakuan yang menyentuh kepentingan umat. Kehebatan seseorang dilihat dari apa yang diperjuangkan untuk kepentingan rakyat tanpa melihat apakah jenis pengorbanan tersebut.

Golongan nasionalisme ini sering menggunakan istilah-istilah yang menafikan hak orang lain seperti matlamat menghalalkan cara dan tiada tempat bagi yang lemah. Bahkan segala istilah-istilah ini telah menjadi prinsip tertinggi pada pandangan pendokong nasionalisme asalkan ia membantu mencapai hasrat dan memenuhi keinginan dan tuntutannya.¹⁷⁹

¹⁷⁶ Ibid., hlm. 3-4.

¹⁷⁷ Ibid., hlm. 12

¹⁷⁸ Political Dictionary, <http://www.fast-times.com/political/dict.html>, hlm. 1.

¹⁷⁹ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 12.

Nasionalisme yang ditentang dan disanggah adalah nasionalisme yang meletakkan nilai, kepentingan dan keinginan mengatasi segala kepentingan dan kehendak orang lain dimana ukuran kebenaran dan hak mengikut kacamatanya ialah apa sahaja yang dapat memenuhi tuntutan, kemahuan dan mengangkat kedudukannya, sekalipun untuk tujuan itu terpaksa menzalimi dan menekan orang lain. Nasionalisme yang bongkak dan kejam inilah yang menyaksikan berlakunya dua peristiwa peperangan dunia yang meragut berjuta-juta nyawa dan merosakan alam dan harta benda.¹⁸⁰

Kritikan Terhadap Demokrasi

Demokrasi berasal daripada perkataan Greek, *Demos* bermaksud rakyat dan *kratein* yang bermaksud pemerintahan. Menurut *Political Dictionary* demokrasi bermaksud 'government by people, the rule of *majority*'.¹⁸¹ Bagi Maududi demokrasi bermaksud bertuhankan manusia dan berhakimkan orang ramai (suara majoriti). Setiap orang di setiap kawasan adalah bebas mutlak dalam urusan bagi memenuhi kepentingan kumpulannya dan undang-undang bagi kawasan yang berkenaan adalah mengikut selera mereka. Atas dasar inilah, maka kepatuhan seluruh anggota masyarakat terhadap undang-undang dan tujuan membangun negara hanya sekadar untuk mendapatkan kemudahan pentadbiran dan keperluan-keperluan material bagi melaksanakan kepentingan awam.

Menurut Maududi adakah suatu bangsa yang bertindak bebas dari sebarang ikatan boleh diharapkan untuk mewujudkan keamanan, keharmonian dan keselamatan atau

¹⁸⁰ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 14.

¹⁸¹ <http://www.fast-times.com/political/dict.html>, hlm. 2.

bagimanakah ia boleh terlepas daripada menjadi medan pertempuran dan perperangan.

Walaupun dikatakan bahawa demokrasi tersebut adalah berdasarkan kedaulatan rakyat. Namun kita memahami bahawa tidak semua rakyat terlibat mengambil bahagian dalam pembuatan undang-undang mahupun dalam urusan pentadbiran negara. Mereka harus mewakilkan kedaulatannya kepada wakil-wakil yang telah dipilih melalui proses pilihanraya. Mereka yang dipilih ini mempunyai kuasa untuk membuat dan menjalankan undang-undang. Namun oleh kerana telah diadakan pemisahan antara politik dan agama sebagai akibat daripada sekularisasi maka unsur-unsur politik yang aktif tidak lagi memberikan perhatian secukupnya terhadap soal-soal akhlak dan etika.¹⁸²

Kita akui bahawa undang-undang yang dijalankan oleh sesebuah pemerintah bercorak demokrasi tersebut adalah bersesuaian dengan kehendak rakyat jelata, namun rakyat jelata tidak mempunyai kemampuan untuk mengetahui dengan jelas kepentingan-kepentingan diri mereka. Adalah suatu kelemahan manusia sejagat bahawa dalam kebanyakan persoalan hidupnya mereka memperhatikan beberapa segi dari kenyataan hidup hidup dan melupakan sudut-sudut yang lain. Pertimbangan yang dilakukan kebanyakannya berat sebelah dan dipengaruhi oleh

¹⁸² Abul Alla Al Maududi, **Teori Politik Islam**, (Terjemahan H. Adnan Syamni), Media Rakyat, Jakarta, 1985, hlm 40.

emosi tanpa mengikut akal rasional. Perasaan berdolak dalih berlaku kerana mengikut keinginan dan hawa nafsu.¹⁸³

Maududi memberikan contoh ‘Undang-undang Larangan Minuman Keras’ di Amerika Syarikat. Masyarakat Amerika menerima kenyataan secara rasional bahawa minuman keras boleh merosakkan kesihatan, menimbulkan gejala keganasan, membahayakan mental dan akal, sebab kepada peningkatan kemalangan jalan raya serta merosakan hubungan kekeluargaan. Sesuai dengan keinginan masyarakat tersebut, dengan suara majoriti maka dipersetujui undang-undang larangan meminuman keras. Akan tetapi ketika undang-undang tersebut hendak dijalankan rakyat mengadakan pungutan suara untuk menentang pelaksanaannya.¹⁸⁴

Penentangan yang dilakukan tersebut bukanlah berdasarkan penemuan ilmiah yang terkini bahawa minuman keras tersebut tidak membawa kesan negatif kepada individu dan masyarakat tetapi adalah berdasarkan kepada hawa nafsu dan juga kebiasaan menikmati minuman keras. Oleh itu dengan sewenang-wenangnya mereka menafikan kesan buruk daripada minuman keras.¹⁸⁵

Sekiranya kita perhatikan ketiga-tiga prinsip tersebut maka kita akan dapati bahawa sekularisme membebaskan manusia daripada menyembah, taat dan takutkan Allah serta norma-norma yang ditetapkan. Ia akan menjadi hamba kepada diri sendiri tanpa rasa tanggungjawab kepada sesiapa jua pun. Nasionalisme pula menyogokkan

¹⁸³ Ibid., hlm. 41.

¹⁸⁴ Ibid., hlm. 41.

manusia kepada sifat ego, sompong dan besar diri serta memandang hina orang lain. Manakala demokrasi pula menjadikan manusia sebagai tuhan, bermaharajalela menguasai segala macam kuasa perundangan, kehakiman, penguatkuasaan dan memperalatkan jentera kerajaan dengan segala kekuatan bagi mencapai apa yang dikehendakinya.¹⁸⁶

Prinsip-Prinsip Alternatif

Maududi mengemukakan alternatif yang disediakan oleh Islam dalam menghadapi fahaman yang diciptakan oleh Barat. Menurut beliau kebahagiaan terletak kepada menerima prinsip-prinsip yang bersih dan benar. Tiga prinsip yang dikemukakan adalah.¹⁸⁷

- i) Prinsip penyerahan diri kepada Allah swt. dan mentaatiNya menggantikan sekularisme.
- ii) Prinsip kemanusiaan sejagat menggantikan nasionalisme terhad lagi sempit.
- iii) Prinsip kekuasaan Allah swt. dan Khilafah Mukminin menggantikan kedaulatan rakyat atau kuasa orang ramai.

Prinsip Penyerahan Kepada Allah

Di bawah prinsip ini manusia perlu beriman dan berkeyakinan bahawa Allah mencipta dan mentadbirkan seluruh kejadian alam serta menguasainya. Maka perlulah kita membentuk hidup ini sesuai dengan perintah dan peraturannya.

¹⁸⁵ Ibid., hlm. 42.

¹⁸⁶ Maududi, *Islam dan Kemajuan Modern*, hlm. 16.

Manusia pasti memerlukanNya sama ada dalam bidang penghidupan individu atau penghidupan bermasyarakat secara keseluruhan. Ini bererti segala aspek kehidupan sosial, kebudayaan, perekonomian, seluruh institusi pengajian dan pendidikan, segala bidang perundungan dan kehakiman dan jentera kerajaan, segala sistem politik dan hubungan antarabangsa hendaklah bersesuaian dengan syariat yang Allah tetapkan ke atas manusia. Manusia tidak boleh mengamalkan kebebasan kecuali pada bidang yang diasas dan ditetapkan oleh Allah. Tidak boleh sama sekali kita menukar atau membuangnya bahkan apa jua organisasi yang kita wujudkan wajib bersesuaian dengan inspirasi syarak yang diwahyukan baik nilai maupun jiwanya.¹⁸⁸

Prinsip Kesejagatan (Al-'Alamiyyah)

Prinsip ini memberi pengertian bahawa sistem hidup yang berdasarkan kepada prinsip penyerahan diri dan tunduk kepada iradah Allah swt.. Di sini tidak seharusnya terdapat di dalamnya perbezaan di antara anggota ummah sama ada mengenai kaum, lokasi, warna kulit maupun bahasa. Selain itu tidak harus wujud sifat ego, sompong diri, bongkak dan fanatik perkauman melulu. Dimana sifat-sifat ini menonjol di bawah naungan nasionalisme tertentu. Sistem ini juga sentiasa membuka pintu kepada setiap orang untuk menganutinya dan bersedia bekerjasama melaksanakannya mengikut dasar persamaan hak yang mutlak. Sistem ini juga mengamalkan konsep kewarganegaraan terbuka, tidak dibataskan oleh sempadan-sempadan geografi atau alam semulajadi serta ia merangkumi semua orang dengan berdasarkan kepada aqidah semata-mata.

¹⁸⁷ Ibid., hlm. 17.

¹⁸⁸ Ibid., hlm. 18.

Mereka yang tidak merelai prinsip-prinsip ini dan tidak bersedia menerimanya dengan sebab-sebab tertentu tidak pula seharusnya dikutuk dalam bentuk apa jua pun. Bahkan sistem ini terus memelihara kedudukan mereka di bawah konsep perlindungan. Mereka juga diberi kebebasan dalam menjalankan hak-hak yang diperuntukkan serta menyediakan kepada mereka peluang menyertai aktiviti-aktiviti sebagaimana warganegara lain.

Prinsip ini juga menolak penguasaan satu bangsa ke atas bangsa lain yang bermotivasikan keangkuhan dan rasa tinggi diri. Di antara prinsip kemanusiaan sejagat ialah rakyat berkuasa sendiri ke atas urusannya dengan penuh kebebasan dan merdeka serta tidak sekali-kali tunduk kepada kuasa lain. Walaupun demikian semua bangsa yang mendokong prinsip-prinsip asas tamadun kemanusiaan mestilah berganding bahu dan bekerjasama ke arah kebahagiaan dan kemakmuran manusia sejagat. Rasa kesukuan dan fanatik perkauman perlulah dikikis serta bekerjasama dalam pembangunan tamadun dan kemajuan dalam suasana hormat dan bebas.¹⁸⁹

Sesungguhnya setiap individu yang hidup dalam suasana sistem pemikiran sihat dan berdisiplin begini adalah merupakan warganegara yang berfikiran universal dan daya rasa kemanusiaan yang sedia berbakti di mana sahaja. Ia akan tidak rasa terasing di mana sahaja negara ia berada. Seperti kata Muhammad Iqbal "*Semua negeri adalah negeriku, kerana ia negeri Tuhanku*". Warganegara yang bernaung di

bawah sistem ini akan mengecap segala hak dan kebebasan dengan sempurna tidak seperti warganegara yang bernaung di bawah sahaman nasionalisme yang ditegakkan berdasarkan sekatan-sekatan dan halangan-halangan di setiap daerah negaranya dan banyak menghadkan pergerakan serta mengharamkan banyak kebebasan dan hak-hak asasi.

Menurut Maududi, sistem komponen sejagat yang lahir dari kesatuan prinsip rakyat dapat bergerak di atas metod kewarganegaraan bersama (Common Citizenship), setiap orang bebas bergerak dari satu negeri ke satu negeri tanpa ikatan atau syarat. Dengan prinsip ini kita bercita-cita kembali seperti zaman Ibnu Batutta yang bebas mengembara dari satu kawasan ke satu kawasan dan di mana sahaja beliau lalui tidak dianggap asing malahan berpeluang menjadi qadi, menteri, duta dan seumpamanya.¹⁹⁰

Prinsip Kedaulatan Illahiyyah

Prinsip ketiga yang diketengahkan oleh Maududi adalah perwakilan rakyat (istiklaf) yang tunduk di bawah kedaulatan Allah sebagai ganti kepada bertuhankan kuasa majoriti manusia. Islam menentang kedaulatan individu, kumpulan sebagai kedaulatan mutlak yang memonopoli kuasa. Islam mengutamakan persamaan hak dan peluang samarata lebih daripada penyokonnya sendiri.

"A society in which everyone is a caliph of God an an equal participant in this caliphate, cannot tolerate any class divisions based on distinctions of birth and social position. All men enjoy equal status and position in such a society. The

¹⁸⁹ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 22. Lihat juga Abul A'la Maududi, **Kesatuan Dunia Islam** (Terjemahan Mohd. Darus Senawi), Pustaka Salam, 1985,hlm 20-32.

¹⁹⁰ Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, hlm. 21.

only criterion of superiority in this social order is personal ability and character.”¹⁹¹

Prinsip Islam juga sentiasa memerangi setiap sistem yang menindas dan tidak memberi kebebasan untuk berbicara, berkumpul atau beraktiviti atau meletakkan bermacam-macam halangan ke atas satu pihak dalam masa yang sama memberi hak keistimewaan yang khusus kepada satu pihak yang lain.

Perbezaan antara demokrasi Barat dengan demokrasi Islam adalah Barat memupuk prinsip kedaulatan orang ramai yang bebas dari sebarang ikatan, kecuali apa-apa yang diletakkan oleh mereka sendiri. Islam melihat ia sebagai suatu perkara yang batil kerana pada hakikatnya ia akan mengheret ke arah akibat-akibat buruk yang menghancurkan kerana hak kedaulatan (sovereignty) hanyalah hak Allah. Oleh itu apa yang sepatutnya adalah mesti wujud perasaan menyeluruh bahawa manusia hanyalah khalifah¹⁹² yang bekerja mengikut arahanNya dan melaksanakan apa yang digariskan kepada manusia.¹⁹³

Atas dasar ini, segala prinsip moral, hukum-hukum perundangan dan undang-undang yang difardhukan oleh Allah adalah bertahap dan berterusan. Mengenai prinsip perwakilan rakyat pula adalah kewajipan majlis syura menggubal undang-undang dan peraturannya berasaskan kitab Allah swt. dan Sunnah Rasulullah saw. Perkara

¹⁹¹ Abul 'Ala Maududi, **Political Theory of Islam**, hlm. 35.

¹⁹² Khalifah dari perkataan arab yang bermaksud wakil (viceroy) manakala khilafah adalah perwakilan (vicegerency).

¹⁹³ Abul A'la Al Maududi, **Hak Asasi Manusia Dalam Islam**, (Terjemahan Ramlee Ismail), Dewan Pustaka Fajar, Shah Alam, 1986, hlm. 11.

yang tidak ada nas syarak adalah kewajipan pihak yang berkeahlian untuk melakukan ijтиhad. Ini dapat dilihat dari tulisan Maududi, *Islamic Riyasat*:

“Islamic theocracy is not controlled by a special religious group of people but by ordinary Muslims. They run it according to the Quran and Sunnah. And if I am allowed to coin a new word, I would call it ‘theo-democracy’. It would grant limited popular sovereignty to Muslims under the paramount sovereignty of God. In this [state], the executive and the legislature would be formed in consultation with the Muslims. Only Muslim would have the right to remove them. Administrative and other issues, regarding which there are no clear orders in the *Shariah*, would be settled only with the consensus of Muslims. If the law of God needs interpretation no special group or a race but all those Muslims would be entitled to interpret (*ijtihad*) who have achieved the capability of interpretation.”¹⁹⁴

Oleh itu adalah menjadi kemestian bahawa jentera pentadbiran kepada sistem ini sama ada bersifat politik, kebudayaan maupun ekonomi hendaklah disandarkan kepada orang-orang yang sentiasa takutkan Allah swt. dalam semua perkara iaitu orang yang sentiasa mentaatiNya dan berusaha ke arah keredhaanNya dalam keadaan terang atau bersembunyi. Penghidupan harian mereka membuktikan keimanan yang sejati, penyerahan diri yang total dan perasaan yang sempurna bagi memenuhi tanggungjawab di hadapan Allah pada hari dimana harta dan anak-anak tidak lagi berguna melainkan orang yang menghadap Allah dengan hati yang sempurna. Tingkah laku peribadi dan kemasyarakatannya melambangkan komitmen terhadap syariat Allah.

Setiap orang dalam masyarakat Islam menikmati hak-hak dan kekuasaan-kekuasaan dari perwakilan ketuhanan itu dalam hal ini semua orang dilihat sama haknya

¹⁹⁴ Abul A'la Maudoodi, *Islamic Riyasat*, Islamic Publications Ltd., Lahore, 1969, hlm. 127. Lihat juga Zafaryab Ahmed, “Maudoodi's Islamic State” di dalam Asghar Khan (ed.), *Islam, Politics and the State: The Pakistan Experience*, Zed Books, Ltd., London, 1985, hlm. 95-113.

sebagai rakyat. Tidak ada seorangpun yang melebihi dari yang lain dari segi hak-hak sebagai rakyat. Dapat diperhatikan disini bahawa demokrasi Barat didasarkan atas kedaulatan rakyat manakala demokrasi Islam berdiri atas prinsip khilafah rakyat sebagai wakil Tuhan di mukabumi.¹⁹⁵

Begitulah tiga prinsip yang dikemukakan oleh Maududi ke arah mendirikan khilafah Insaniyyah (kemanusiaan) dalam memberikan alternatif kepada fahaman nasionalisme, sekularisme dan demokrasi yang dihidangkan oleh tamadun Barat.

Proses Revolusi Islam

Kewujudan sebuah daulah Islamiah adalah bergantung kepada faktor-faktor ideologi, moral dan sosial yang terdapat di dalam masyarakatnya. Tidak mungkin pohon mangga yang hidup subur tatapi pada musim berbuah mengeluarkan buah epal. Demikian juga dalam pembinaan tamadun Islam. Bagi mewujudkan sebuah daulah Islamiah perkara utama yang perlu wujud adalah satu usaha bersepada berlandaskan kepada teori dan agenda hidup Islam berteraskan dasar dan nilai-nilai akhlak dan amal yang selari dengan Islam. Usaha ini pula perlu diterajui oleh orang-orang yang menampilkan kesediaan sepenuhnya untuk dibentuk menurut acuan tertentu. Mereka ini seterusnya mengembangkan pemikiran Islam dan mengorbankan segala keupayaan mereka untuk menyuburkan akhlak Islam di tengah masyarakat.¹⁹⁶

¹⁹⁵ Abul A'la Maududi, **Pokok-Pokok Pandangan Hidup Muslim**, (Terjemahan Osman Raliby). International Islamic Federation of Student Organizations. Beirut, 1980, hlm. 62-63.

¹⁹⁶ Abul al A'la Maududi, **Proses Pembinaan Negara Islam**, (Terjemahan Salehan Ayub), Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 34.

Dengan wujudnya landasan yang kukuh ini barulah diadakan suatu sistem pendidikan untuk mereka yang dibentuk dengan acuan Islam tersebut. Melalui usaha-usaha ini akan lahir ahli-ahli sejarah, politik, ekonomi, falsafah sains, teknologi dan seumpamanya. Apabila mereka memiliki fikrah (kefahaman) Islam yang sudah sebatи dalam darah daging, ia membolehkan mereka merangka suatu sistem yang bersepada merangkumi segala idea, teori dan pendekatan yang praktikal untuk kehidupan manusia dengan berlandaskan prinsip dan kaedah Islam.

Dengan dominasi pemikiran dan intelektual, usaha ini akan maju setapak lagi dengan membasmi sistem dan fahaman-fahaman sesat yang menguasai masyarakat dunia. Melalui perjuangan dan pertentangan ini, golongan yang mendokong dan menyebarkan dakwah ini akan diuji dengan pelbagai kesusahan dan kesengsaraan. Mereka terpaksa menerima pelbagai bentuk penindasan dan kesengsaraan. Mereka juga terpaksa mengorbankan segala milik mereka bahkan nyawa dengan penuh kesabaran, ketabahan, keikhlasan dan keazaman yang ampuh. Sememangnya mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai ujian dan tekanan namun setelah segala ujian ini mereka akan keluar seperti ketulan emas yang tulen.¹⁹⁷

Di sepanjang perjuangan dan pergelutan ini mereka sebenarnya menampilkan teori yang mereka perjuangkan. Segala tutur-kata dan tindakan mereka melambangkan bahawa ideologi yang mereka perjuangkan adalah diwakili orang-orang yang

¹⁹⁷ Abul al A'la Maududi, **Proses Pembinaan Negara Islam**, hlm. 35.

berpegang teguh dengan prinsip dan tidak memperjuangkan kepentingan peribadi. Dengan ini sudah tentu peradaban yang ingin dibina ini mampu membawa keadilan dan kesejahteraan manusia sejagat. Dari sini perjuangan ini akan menarik hati-hati yang masih memiliki sedikit kebaikan untuk turut serta dalam perjuangan ini. Dalam masa sama pengaruh masyarakat yang rosak dan hanya menurut hawa nafsu akan tenggelam di sebalik arus perubahan ini.¹⁹⁸

Dalam masyarakat yang inginkan perubahan ini hanya satu sahaja sistem yang telah bersedia untuk dilaksanakan. Apabila sampai waktu untuk sistem ini berkuasa, segala keperluan dan tenaga yang berkemampuan untuk mengisi tempat-tempat kosong dalam pentadbiran kerajaan telah cukup tersedia yang dihasilkan daripada proses pendidikan yang dilaksanakan sebelumnya.¹⁹⁹

Inilah proses revolusi Islam dalam menegakkan daulah Islamiah. Sudah pastinya sesuatu revolusi yang ingin dilakukan memerlukan kepada usaha, teraju, tenaga kerja dan sentimen daripada masyarakat dan persekitaran yang sesuai untuk perubahan ini. Begitu juga bagi mewujudkan revolusi Islam, pastinya memerlukan kepada usaha melalui gerakan massa yang bangkit melalui jihad berterusan. Ia diperlukan bagi merubah segala ideologi, moral psikologi dan budaya jahiliyyah yang telah bertapak dan berkembang subur dalam hidup masyarakat. Sesuatu hasil hanya dapat diperolehi bergantung kepada sejauhmana usaha-usaha yang telah dijalankan.²⁰⁰ Ini

¹⁹⁸ Ibid., hlm. 36.

¹⁹⁹ Ibid., hlm. 36.

²⁰⁰ Ibid., hlm. 37.

adalah fitrah kehidupan. Sesuatu kejayaan tidak akan terhasil secara ‘miracle’ tanpa usaha dan kerja keras.

Kepentingan Iman Dalam Pembentukan Peradaban

Maududi menegaskan bahawa iman begitu penting bagi pembinaan sesebuah peradaban Islam. Iman adalah suatu perkara yang tidak boleh dipisahkan dalam membina peradaban Islam. Harus diyakini sepenuhnya bahawa Allah sahajalah yang berhak disembah dan dipuja. Dialah yang melaksanakan hukum-hukum yang mengatur hidup manusia. Dialah yang meletakkan hukum untuk mengatur semua masalah dalam hidup. Seluruh yang ada di alam ini harus tunduk dan patuh kepada peraturanNya. Manusia diberi kebebasan melakukan apa-apa perkara dalam batas-batas yang telah ditentukanNya.

Maududi mengatakan bahawa iman adalah ibarat dasar yang perlu kuat dan kukuh bagi suatu pembinaan besar. Ia seperti sebuah bangunan tinggi perlu kepada dasar yang kuat dan kukuh. Iman itu juga seperti akar tunjang bagi sebatang pokok yang besar dan merimbun. Iman menurut beliau akan mengangkat darjat seseorang dan membezakan unsur-unsur baik dan buruk. Iman turut menjadi benteng, mencegah dari segala macam kerosakan yang datang dari luar. Iman itulah yang menjadi roh atau jiwa yang menyebabkan hidupnya seseorang. Jika tiada iman ia ibarat rumah yang tidak ada dasar dan tiangnya maka rumah itu tidak dapat berdiri dan tidak dapat dijadikan tempat berlindung.²⁰¹

²⁰¹ Abu A'la Al-Maududi, **Asas dan Prinsip Peradaban Islam**, hlm. 298

Iman menurut beliau menentukan kuat atau lemahnya seseorang itu. Iman bukan sahaja bererti suatu akidah agama atau memperhalus budi pekerti, amal perbuatan dan juga rancangan-rancangan kehidupan. Tetapi iman adalah seluruh permasalahan kehidupan dan yang mengikat semua manusia sebagai anggota masyarakat dan satu umat. Tanpa iman, maka Islam itu tidak akan sanggup berdiri menaungi sekalian orang yang berada di bawahnya. Apabila lemah iman seseorang itu ia seperti rangka tubuh yang tidak bernyawa. Ertinya orang Islam tersebut akan rosak akhlaknya. Segala kata-katanya tidak menentu, segala peraturan yang dibuat tidak dapat mengikatnya, jiwa agamanya akan lenyap dan ia tidak mungkin akan menjadi suatu bangsa yang dihormati dan dikagumi.²⁰²

Maududi mengatakan bahawa dari sinilah bertolaknya keyakinan bahawa imanlah yang akan menentukan kafir atau tidaknya seseorang itu dan imanlah yang menjadi syarat pertama bagi orang untuk masuk Islam. Imanlah yang dikemukakan kepada seseorang sebelum perkara yang lain. Apabila seseorang itu belum lagi beriman maka orang itu belum lagi sanggup menerima syariat dalam bentuk apa pun juga. Mereka belum lagi dipertanggungjawabkan melaksanakan hukum-hukum dan peraturan-peraturan Islam.

Tujuan Peradaban Islam

Menurut pandangan Islam manusia dijadikan adalah untuk menjadi khalifah di muka bumi. Inilah yang menjadi tujuan dalam kehidupan. Oleh kerana itu manusia harus berusaha untuk mendapatkan kurnia dan keredhaan Allah swt. Untuk memperolehnya, (keredhaan Allah) seseorang itu tidak harus menumpukan perhatiannya di dalam hidup ini kepada selain daripada yang dikemukakan oleh Islam. Mereka juga tidak boleh menyelewengkan kekuatannya sama ada kekuatan yang berbentuk fizikal mahupun kekuatan mental selain daripada jalan yang akan menyampaikan kepada tujuan hakikinya itu.

Fikiran dan perhatian seseorang itu serta seluruh gerak-gerinya di dalam hidup ini tidak boleh dicurahkan kepada selain dari merebut kedudukan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Tujuan kehidupan dan perhambaan kepada Tuhan adalah dalam seluruh aspek kehidupan sama ada makan-minum, berbicara, seorang atau berteman, waktu menghadapi musuh, berekonomi, bermasyarakat, berpolitik dan seumpannya. Untuk mencapai tujuan sebagai khalifah ia perlu menempuh satu jalan yang dibentangkan Tuhan di hadapannya dan tidak menghiraukan jalan-jalan lain yang bersimpang-siur dan tidak terhingga banyaknya.²⁰³

Pengertian agama menurut Maududi sebagaimana yang dimaklumi ialah taat dan patuh serta menjalankan segala peraturan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad saw. Inilah yang menjadi asas dan garis panduan yang membezakan antara pemeluk-

²⁰³ Ibid., hlm .92.

pemeluk Islam dengan yang bukan Islam. Mereka inilah yang dinamakan Muslim dan Mukmin, sedangkan orang-orang yang tidak menganut agama ini dinamakan kafir. Kafir disini ertiinya tidak suka dan tidak redha kepada peraturan Islam. Islam tidak mengenal jenis dan keturunan yang berbeza-beza, perbezaan bahasa dan keturunan begitu juga batas-batas negara. Di dalam Islam, apa yang berbeza hanyalah cara berfikir dan keimanan. Oleh itu orang yang beriman bererti mereka yang patuh mengikut peraturan Islam dan menjalankan hukum-hakamnya.²⁰⁴

Langkah-Langkah Terencana Bagi Peradaban Islam

Maududi turut menyatakan mengenai langkah-langkah yang harus ditempuh dalam membentuk peradaban Islam di atas rukun iman. Untuk langkah-langkah tersebut ada beberapa perkara yang harus diperhatikan Pertamanya sistem peradaban tersebut harus menampakkan dirinya dalam bentuk suatu negara di dunia ini. Jika perbandingan ini dibuat maka Allah adalah seperti ketua negara, Nabi sebagai wakil-wakilNya dan Al-Quran adalah undang-undangNya. Setiap orang harus tunduk dan patuh kepada kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya. Begitu juga kepada wakil-wakilNya dan undang-undangNya. Mereka yang masuk Islam seharusnya mengikuti segala peraturan, dalam hal ini adalah peraturan Allah swt. Kedudukan undang-undang dasar adalah lebih tinggi daripada seluruh peraturan yang ada dan mengatasi kedudukan dan pemikiran perorangan.²⁰⁵

²⁰⁴ Abul A'la Maududi, **Dasar-Dasar Iman**, (Terjemahan Afif Mohammad) Pustaka Jasmin, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 178.

²⁰⁵ Ibid., hlm. 179.

Keduanya, peradaban Islam sebenarnya menganjurkan kembali kepada kebahagiaan kehidupan di akhirat dan memperolehi keredhaanNya. Kebahagiaan tersebut hanya dapat diperolehi di akhirat sekiranya seseorang itu mengerjakan amal soleh sewaktu hidup di dunia. Oleh itu peradaban Islam menuntun manusia supaya tetap berada di jalan yang lurus sebagaimana yang disusun di dalam syariat. Peradaban Islam menurut Maududi, menghimpunkan masalah-masalah dunia dan akhirat. Ini kerana agama itu sendiri adalah peraturan, meliputi segala apa yang difikirkan oleh manusia, perbuatan, budi pekerti perorangan dan keluarga. Hidup dalam masyarakat, ekonomi dan politik. Iaitu himpunan cara-cara dan aturan-aturan yang ditetapkan oleh Allah terhadap seluruh masalah dan bangsa yang berbeza-beza di bawah perkataan Islam atau peradaban Islam.

Ketiga, peradaban Islam adalah suatu peradaban kemanusiaan yang bersifat universal. Peradaban ini meliputi seluruh daerah dan seluruh bangsa yang berada di muka bumi ini. Jika sesuatu peradaban tersebut dibentuk berdasarkan kepada kebangsaan maka peradaban tersebut adalah suatu peradaban yang sempit. Peradaban Islam tidak mengenal warna kulit, keturunan, bangsa dan tanah air. Islam mengadakan perbaikan-perbaikan di dalam seluruh lapangan kehidupan oleh itu tidak hairanlah Islam dapat tersebar dengan cepat di seluruh pelusuk dunia. Islam mengajarkan seluruh umatnya menjadi pengikut-pengikut yang setia kepada peradabannya. Namun bukanlah tujuan Islam yang sebenarnya untuk menegakkan persaudaraan yang berdasarkan kemanusiaan seluruh dunia untuk menambah jumlah pengikut. Islam menyatukan seluruh peribadi dalam menggunakan ilmu yang benar

dan amal soleh. Dengan syarat iman, semua manusia boleh memasuki persaudaraan Islam yang universal ini tanpa pengecualian.²⁰⁶

Keempat, dari sudut kenyataan, peradaban Islam di samping unggul dan bersifat universal, kedudukannya juga ampuh dan kuat. Islam dapat menjadikan orang bersedia menjadi pengikut peraturannya, mematuhi perintahnya dan bertindak dalam batas-batas yang ditentukan. Peraturan yang pelbagai tersebut sudah pastinya tidak dapat diikuti dan dipatuhi jika mereka belum benar-benar beriman. Islam dapat menanamkan kekuatan di dalam jiwa pengikut-pengikutnya sehingga ke lubuk hati. Sebab itulah pengikut-pengikutnya timbul keinsafan dan bersedia untuk menjalankan hukum-hukum yang dijalankan. Mereka juga bersedia melakukan pengorbanan sama ada masa, harta maupun jiwa raga.²⁰⁷

Kelima, dari satu sudut yang lain peradaban Islam ingin menegakkan satu peraturan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang baik. Namun adalah mustahil dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang baik jika individu-individu di dalamnya belum ada sifat-sifat baik dan terdidik. Oleh itu akidah begitu penting sekali ditanamkan dalam setiap individu dalam pembinaan peradaban Islam.

Keenam, iman yang menjadi dasar berdirinya peradaban tersebut mampu menjelaskan suatu kekuatan yang dapat membentuk seseorang itu menjadi ideal

²⁰⁶ Ibid., hlm. 180

²⁰⁷ Ibid., hlm. 181.

dengan budi pekerti yang halus, terpuji dan selalu menanamkan benih-benih yang baik dalam masyarakat. Iman ini juga akan mendorong umat Islam bekerja dengan lebih kuat dalam masalah-masalah yang dapat meningkatkan taraf hidup.

Hakikat Kemusnahan Sesebuah Tamadun

Menurut Maududi hakikat musnahnya sesuatu umat di muka bumi ini bukanlah bermakna ia lenyap di muka bumi ini tetapi sebenarnya adalah keruntuhan kebangsaan dan identitinya dari alam nyata. Maksudnya apabila sesuatu tamadun tersebut misalnya bangsa Babil dan Firaun itu telah lenyap ertinya tamadun bangsa-bangsa tersebut telah hilang ciri-cirinya ditelan zaman. Walaupun bangsa Babil tersebut masih membiakkan keturunanya tetapi identiti kebangsaannya telah lenyap. Segalanya adalah disebabkan generasi mereka yang silih berganti telah hilang kemampuan untuk memindahkan pusaka warisan yang diwarisinya dari generasi yang lalu kepada generasi selepasnya. Oleh itu apabila sesuatu umat tersebut tidak dapat mewariskan identiti bangsanya kepada generasi selepasnya maka identitinya bangsa tersebut dengan sendirinya akan lenyap.²⁰⁸ Oleh itu Maududi mengingatkan bahawa kekal atau lenyapnya tamadun Islam adalah bergantung kepada usaha generasi Islam untuk memindahkannya kepada generasi akan datang .

"Perlu kita ingat bahwa kekalnya generasi Islam adalah bergantung penuh di atas usaha generasi yang akan datang untuk memindahkan tamadun Islam dalam bentuk hidayah ketuhanan yang kita warisi dari nenek moyang kita yang mulia dan yang telah membezakan kita dari bangsa-bangsa lain di dunia."²⁰⁹

²⁰⁸ Abul A'la Al Maududi, **Peranan Pelajar Dalam Membina Masa Depan Dunia Islam**, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 3

²⁰⁹ Ibid., hlm. 5.

Sudah pasti bahawa setiap orang Islam tidak akan kekal, tetapi umat Islam boleh kekal sepanjang masa dengan syarat ada kemampuan yang diperlukan dalam setiap peringkat masa untuk memindahkan perbendaharaan tamadun kepada generasi yang akan datang. Pemindahan ini hendaklah sentiasa berjalan dalam setiap pertukaran generasi. Sekiranya umat Islam tidak sanggup untuk mengekalkan sifat-sifat istimewa tamadun Islam maka tamadun lain akan menguasai tamadun ini. Jika tamadun Barat dapat menguasai umat Islam maka tamadun Islam tidak akan kekal dan tamadun yang menguasai akan menghapuskan identiti keislaman.

Oleh itu Maududi amat mengambil berat tentang pendidikan anak-anak supaya dapat memahami Islam dengan sebenarnya agar mampu mewarisi, berpegang teguh dan seterusnya mempertahankan tamadun Islam.

Kesimpulan

Dari perbincangan di dalam bab tiga ini dapat difahami bahawa teras pemikiran Maududi tentang peradaban Islam adalah berdasarkan kefahaman beliau tentang maksud Islam dan tujuan manusia dijadikan di muka bumi ini. Perkara utama yang menjadi perhatian perbincangan Maududi mengenai peradaban Islam adalah iman sebagai teras peradaban dan keistimewaan manusia sebagai pemegang amanah khalifatullah yang membezakannya daripada makhluk-makhluk lain. Beliau juga banyak mengkritik idea-idea Barat yang dianggap tidak berpijak di bumi nyata dan mengheret manusia ke jurang yang hina sama ada di dunia maupun akhirat. Maududi dapat mengemukakan pemikiran yang bernas dan mendetail tentang

pengertian, tujuan dan konsep peradaban Islam. Idea-idea Maududi tentang peradaban mempunyai banyak persamaan dengan beberapa orang tokoh Mujtahid seperti Ibnu Taimiyah, Syah Waliullah, Hassan Al-Banna, Yusof Qardhawi dan Syed Qutb. Hatta Syed Qutb sendiri dikatakan banyak dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran Maududi.